

REMAJA DAN KEPENTINGAN PENGURUSAN KEWANGAN

Oleh Noor Azam Abdul Rahman

MUNGKIN kebanyakan remaja menganggap pengurusan kewangan merupakan perkara remeh yang tidak perlu dimasukkan dalam nota penting perancangan masa depan. Mungkin juga bagi remaja, aspek membina kerjaya yang hebat serta mendapat perhatian ahli masyarakat itu lebih bermakna daripada merancang sumber kewangan yang diperoleh untuk dibelanjakan.

Secara umumnya, sebilangan besar remaja di Malaysia lebih cenderung menggunakan sumber kewangan yang diperoleh ke arah perkara yang berbentuk kepuasan diri melebihi

aspek kemampuan kewangan mereka. Hal ini telah didedahkan melalui laporan Jabatan Insolvency Malaysia bagi tahun 2012 sehingga tahun 2016 yang mendapati lebih 97 ribu kes kebangkrapan (muflis) diisytiharkan oleh mahkamah. Lebih membimbangkan, statistik ini mencatatkan 23.2 peratus daripada jumlah keseluruhan yang diisytiharkan muflis terdiri daripada mereka yang berumur 34 tahun sehingga 25 tahun. Manakala sejumlah 1157 ataupun 1.2 peratus daripada jumlah tersebut dalam kalangan yang berumur 25 tahun ke bawah.

Data tersebut perlu diambil perhatian oleh semua pihak, sama ada ibu bapa, majikan, pihak berkuasa,



Remaja perlu bijak mengukur kemampuan dari segi kewangan sebelum melakukan sebarang perbelanjaan.

menunjukkan bahawa remaja amat memerlukan bimbingan dan pengetahuan yang baik tentang aspek pengurusan kewangan. Setiap remaja seharusnya didedahkan sejak dari bangku persekolahan tentang perbezaan konsep keperluan dan kehendak dalam pengurusan kewangan. Kegagalan membezakan dua konsep penting ini telah menjerumuskan remaja ke dalam masalah pengurusan kewangan yang tidak teratur. Sebagai buktinya, remaja cenderung menggunakan kemudahan pinjaman yang disediakan oleh institusi kewangan bagi memenuhi kehendak melebihi daripada keperluan yang sepatutnya. Kesannya, remaja tidak mampu membayar balik pinjaman dan seterusnya diisytiharkan mufis.

Jika dilihat dari sudut pandang ahli ekonomi, istilah kehendak dan keperluan ini merupakan dua perkara yang sangat penting dalam pengurusan kewangan individu. Kehendak merujuk perkara yang tidak wajib dibelanjakan daripada sumber kewangan individu. Aspek kehendak melibatkan keinginan yang bersifat kepuasan diri sendiri yang tidak akan menjejaskan rutin harian jika tidak diperuntukkan jumlah tertentu dalam perbelanjaan individu. Sebagai contoh, peruntukan untuk aktiviti berkaitan dengan hobi seperti membeli peralatan basikal, menonton wayang atau makan di restoran mewah. Berbeza dengan perbelanjaan yang dikategorikan sebagai keperluan, iaitu sejumlah perbelanjaan yang wajib digunakan bagi meneruskan rutin harian. Sebagai contohnya, perbelanjaan untuk makanan asas, pakaian dan tempat tinggal. Secara mudah, aspek keperluan ini melibatkan perkara asas dalam kehidupan manusia.


Pengurusan kewangan remaja melibatkan dua kumpulan yang berbeza berdasarkan sumber kewangan yang diperolehi remaja tersebut. Dalam tempoh usia remaja, iaitu antara 12 hingga 25 tahun, kebanyakannya masih belum mempunyai sumber kewangan tetap yang dijana sendiri. Sumber kewangan

malah golongan remaja sendiri. Laporan Jabatan Insolvency Malaysia juga menyatakan bahawa antara punca utama remaja yang telah diisytiharkan mufis pada tahun yang dinyatakan itu termasuklah untuk memenuhi keinginan peribadi yang melebihi sumber kewangan. Laporan Jabatan Insolvency Malaysia ini menjelaskan tiga jenis pinjaman yang menjadi faktor utama remaja mufis ialah pinjaman sewa beli kenderaan, pinjaman peribadi dan pinjaman perumahan. Data menunjukkan 69.8 peratus individu yang diisytiharkan mufis oleh mahkamah berpunca daripada kegagalan menjelaskan hutang bagi tiga jenis pinjaman tersebut. Berdasarkan definisi Jabatan Insolvency Malaysia, kebangkrapan (mufis) merujuk proses seorang penghutang yang telah diisytiharkan mufis oleh mahkamah tinggi kerana kegagalan atau ketidakupayaan untuk membayar hutang sekurangnya RM30 ribu.

Statistik daripada Jabatan Insolvency Malaysia berkaitan dengan pembabitn remaja dalam pinjaman kewangan yang bertujuan untuk memenuhi kehendak peribadi seperti pinjaman peribadi, sewa beli kenderaan dan pinjaman perumahan



Amalan berhutang akan menjerat remaja ke kancuh mufis.



Sumber pendapatan yang diperoleh seharusnya dirancang sebaik-baiknya sebelum berbelanja.

remaja lazimnya adalah daripada ibu bapa atau penjaga masing-masing. Hal ini bermakna pengurusan sumber kewangan remaja masih lagi berada di bawah tanggungjawab ibu bapa atau penjaga. Oleh itu, peranan ibu bapa atau penjaga sangat penting dalam aspek pengurusan kewangan remaja untuk memastikan sumber kewangan yang disalurkan itu digunakan dengan sebaik-baiknya. Manakala, bagi remaja yang telah mampu menjangkan pendapatan sendiri, mereka bertanggungjawab sepenuhnya dalam aspek pengurusan kewangan mereka.

Pengurusan kewangan merujuk aktiviti individu menguruskan sumber kewangan yang terhad bagi memenuhi keperluan dan kehendak mereka yang tidak terhad. Aktiviti ini memerlukan kemahiran pengurusan kewangan yang bukan sahaja melibatkan aspek pengiraan jumlah wang yang dimiliki malah menyentuh soal emosi yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor sama ada faktor luaran mahupun faktor dalaman individu terabit. Pengurusan kewangan merupakan sebahagian daripada perkara penting dalam pengurusan diri seseorang yang menentukan kesihatan dan kesejahteraan mereka. Kepentingannya sama seperti cara seseorang menguruskan kesihatan mental, fizikal dan hubungan sosial mereka.

Bagi remaja, aspek pengurusan kewangan sering dipengaruhi oleh faktor dalaman dan faktor luaran. Pengaruh faktor dalaman melibatkan pengurusan kehendak diri, persepsi diri terhadap sesuatu, emosi, tekanan dan aspek psikologi yang lain. Semua perkara yang bersifat dalaman ini akan memberikan pengaruh yang besar terhadap remaja semasa mengambil keputusan untuk memperoleh sumber kewangan dan membelanjakan sumber kewangan tersebut. Sebagai contohnya, remaja yang meletakkan aspek penampilan diri yang berlebihan seperti keinginan menggunakan barangan keperluan diri yang berjenama dan mahal akan sentiasa cenderung untuk memperuntukkan wang yang banyak bagi memenuhi keperluan mereka.

Manakala faktor luaran pula melibatkan aspek persekitaran yang mampu memberikan pengaruh kepada remaja. Bagi yang masih tinggal bersama ibu bapa atau penjaga, para remaja akan dipengaruhi secara langsung oleh mereka dalam banyak keputusan berkaitan dengan kewangan remaja. Tabiat pengurusan kewangan ibu bapa atau penjaga akan menentukan gaya pengurusan kewangan remaja berkaitan. Oleh itu, dalam konteks remaja yang masih tinggal bersama ibu bapa atau penjaga, peranan memberikan pendedahan dan pendidikan pengurusan kewangan remaja terletak

di bahu ibu bapa atau penjaga remaja tersebut. Walau bagaimanapun, remaja dalam kumpulan ini masih juga berisiko mengalami masalah pengurusan kewangan jika ibu bapa atau penjaga juga tidak mengamalkan pengurusan kewangan yang baik.

Dalam usia yang masih muda, setiap remaja seharusnya telah menerapkan nilai-nilai pengurusan kewangan yang teratur. Kemahiran pengurusan kewangan ini termasuk cara seseorang remaja menyediakan bajet harian, bulanan dan tahunan individu. Hal ini melibatkan aspek sumber yang akan dibelanjakan dan yang perlu disimpan atau dilaburkan. Bagi remaja yang masih di bangku persekolahan, pendedahan awal berkaitan dengan kepentingan pengurusan kewangan amat perlu diterapkan. Sumber pendapatan yang diperoleh, seperti daripada ibu bapa atau penjaga dan biasiswa, seharusnya diagihkan mengikut keperluan lebih dahulu. Asas penting dalam pengurusan kewangan ialah adanya satu bahagian daripada sumber pendapatan yang dikategorikan sebagai simpanan.

Bagi remaja yang berada di pusat pengajian tinggi, terdapat beberapa institusi pengajian tinggi yang menawarkan kursus pengurusan kewangan, sebagai satu mata pelajaran wajib yang perlu diambil oleh semua pelajar. Mata pelajaran yang

Amalan menabung dapat memberikan manfaat kepada golongan muda ketika berada dalam kesempitan atau kecemasan.



dicadangkan dan diperkenalkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) ini telah ditawarkan di beberapa universiti terpilih seperti di Universiti Tenaga Nasional dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Kewangan Malaysia, AKPK mengambil tanggungjawab memberikan pendedahan kepada para mahasiswa berkaitan dengan pengurusan kewangan yang berkesan. Peluang ini seharusnya dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh para mahasiswa.

Pengurusan kewangan bagi remaja yang bekerja atau mampunya menandakan pendapatan sendiri pula lebih besar cabarannya. Remaja bagi kategori bekerja ini memerlukan tahap disiplin dan kesedaran yang tinggi berkaitan dengan pengurusan kewangan. Hal ini dikatakan demikian kerana tanggungjawab menentukan kedudukan kewangan remaja pada masa ini dan pada tempoh selepas bersara akan menjadi cabaran kepada mereka. Tahap disiplin yang tinggi ini hanya boleh dilakukan dengan pengetahuan yang baik berkaitan dengan pengurusan kewangan.

Untuk menjadi seorang yang mahir mengurus kewangan, seseorang itu tidak semestinya perlu mengikuti kursus secara formal berkaitan pengurusan kewangan. Jika berkesempatan

mengikutinya, sebaik-baiknya janganlah dilepaskan peluang tersebut. Walau bagaimanapun, kesedaran ini boleh dipupuk melalui kepekaan terhadap tahap kewangan diri sendiri. Bermula daripada kesedaran ini, setiap remaja boleh merancang hala tuju sumber kewangan remaja untuk dibelanjakan.

Oleh hal yang demikian, setiap remaja perlu sentiasa ditekankan tentang kepentingan menabung. Kesedaran menabung dalam kalangan rakyat Malaysia secara puratanya masih berada pada tahap yang rendah. Hal ini termasuk juga kesedaran menabung dalam kalangan remaja. Menurut AKPK, remaja di Malaysia masih kurang berminat untuk menabung dengan alasan bebanan kewangan yang mereka ada hanya cukup bagi menampung keperluan harian. Persepsi sebegini seharusnya dikikis dalam kalangan generasi muda hari ini. Kesedaran tentang kepentingan mempunyai wang simpanan yang mencukupi untuk masa hadapan perlu diterap mulai peringkat kanak-kanak lagi.

Menyimpan atau membuat tabungan bukan hanya terhad kepada simpanan di institusi kewangan seperti bank sahaja. Simpanan juga boleh dibuat dalam bentuk pelaburan dan insurans. Remaja yang bijak seharusnya mengambil tahu tentang peluang pelaburan yang ditawarkan oleh pelbagai agensi di Malaysia. Walau bagaimanapun, peluang pelaburan tersebut perlulah melalui agensi yang sah dan diiktiraf oleh Bank Negara Malaysia. Di samping itu, setiap remaja perlu memiliki sekurang-kurangnya satu polisi insurans yang memberikan nilai tanggungan jika berlaku sebarang musibah yang tidak dijangka pada masa depan. Insurans ialah satu bentuk simpanan yang berfungsi sebagai simpanan dua fungsi, iaitu sebagai simpanan dalam bentuk pelaburan dan juga jaminan risiko yang berkemungkinan akan dihadapi pada masa depan.

Remaja merupakan generasi masa depan yang bakal menguruskan segala aspek dalam negara. Sama ada sebagai pentadbir atau pemimpin dan juga sebagai rakyat yang membangunkan negara dalam pelbagai sektor, remaja

seharusnya mengambil berat tentang aspek pengurusan kewangan. Pada usia yang masih muda, remaja perlu bijak mengendalikan sumber kewangan mulai peringkat individu, seterusnya keluarga dan juga negara apabila dewasa kelak. Kemahiran pengurusan ini perlu diterapkan bersama dengan kesedaran tentang kepentingan pengurusan kewangan.

Natijah yang kurang baik mungkin akan berlaku kepada negara secara keseluruhannya jika aspek pengurusan kewangan pada peringkat individu masih gagal dikuasai oleh generasi muda. Kesan daripada kegagalan pengurusan kewangan ini bukan sahaja akan menjejaskan individu terbit, malah berisiko merosakkan integriti dalam masyarakat. Seperti yang kita maklum, jika aspek kewangan individu menghadapi masalah, maka tidak mustahil akan timbul isu, sosial yang lain, umpamanya rasuah dan penyelewengan.

Semua pihak, sama ada remaja, ibu bapa atau jemaah, pihak berkuasa serta ahli masyarakat perlu berganding bahu memberi kesedaran kepada diri sendiri, ahli keluarga dan masyarakat berkaitan kemahiran pengurusan kewangan yang berkesan. Penerapan nilai-nilai dalam pengurusan kewangan seperti tabiat menyimpan boleh diterapkan melalui pembelajaran di sekolah, bimbingan pada peringkat komuniti, dan sebagainya. Usaha AKPK yang sentiasa menjalankan program kesedaran berkaitan dengan pengurusan kewangan dalam kalangan masyarakat atau di institusi pendidikan merupakan satu usaha yang berkesan. Semua pihak seharusnya memberikan sokongan serta mencadangkan satu formula baharu bagi memupuk kesedaran tentang kepentingan pengurusan kewangan, terutamanya kepada generasi muda.

Kata pepatah "sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit" perlu sentiasa tersemat dalam setiap sanubari remaja mempunyai simpanan kewangan yang teratur dan berkala sebagai satu elemen penting dalam pengurusan kewangan individu. Bayangkan dalam tempoh 20 atau 30 tahun dari sekarang, pada peringkat manakah kedudukan kewangan yang anda capai? Tepuk dada, tanya selera! 